

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS** ◆

**JUDUL : PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN BUKU TEKS JAWI**  
**PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBELAJARAN: SATU KAJIAN KE**  
**ATAS PELAJAR TINGKATAN 4, SEKOLAH MENENGAH**  
**KEBANGSAAN KOTA MASAL, JOHOR.**

**SESI PENGAJIAN : 2005/2006.**

Saya

**AFFANDI BIN AG GHANI**  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan ( ✓ )

**SULIT**


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

DISAHKAN OLEH:

  
(TANDATANGAN PENULIS)

  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :  
22A Jalan Gual Bunut,  
17200 Rantau Panjang,  
Kelantan.

**USTAZ ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH**  
NAMA PENYELIA

Tarikh : 24 APRIL 2006

Tarikh : 24 APRIL 2006

- CATATAN :
- \* Potong yang tidak berkenaan
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
  - ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan, penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sainsi Serta Pendidikan (Pengajian Islam)”.

Tandatangan



Nama Penyelia : USTAZ ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH

Tarikh : 24 April 2006

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN BUKU TEKS JAWI  
PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBELAJARAN: SATU KAJIAN KE ATAS  
PELAJAR TINGKATAN 4, SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KOTA  
MASAI, JOHOR BAHRU


AFFANDI BIN AG GHANI

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan  
(Pengajian Islam)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2006

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan sumbernya"

Tandatangan :   
Nama Penulis : AFFANDI BIN AG GHANI  
Tarikh : 24 APRIL 2006

**DEDIKASI**

*Khas Buat Keluarga Tercinta;*

***Ayahandaku:***

*Abdul Ghani Bin Che Mamat*

***Ibundaku:***

*Zarodah Binti Sulaiman*

***Adik-beradikku:***

*Mohd Azri, Normal, Ariman, Arimin, Rafizah*

*Maisarah, Mohd Taha, Mohd Kamil, Siti Sabila, Mohd Nasaruddin*

*dan Mohd Saifuddin*

***Anak Saudaraku yang comel:***

*Mohd Irfan Iman, Iffah Azrina dan Noraliya Maisarah*

***Harapanku:***

*Jadilah insan yang diredhai oleh Allah,*

*Bersyukurlah di atas segala nikmat-Nya,*

*Bersabarlah di atas segala ujian-Nya,*

*Berusahalah dan berdoalah semoga segala cita-cita menjadi kenyataan,*

*kerana kejayaan sentiasa menanti anda.*

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum w.b.t. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, saya memanjatkan sepenuh kesyukuran dan pujian ke hadrat Allah S.W.T Tuhan semester alam kerana dengan limpah rahmat-Nya serta izin-Nya dapatlah penulisan ini disiapkan dengan jayanya dan berjalan dengan lancar.

Setinggi-tinggi penghargaan dan sebanyak-banyak terima kasih saya tujukan kepada al-fadhil Ustaz Abdul Hafiz Bin Abdullah dan Prof. Madya Ustaz Abdul Gani Bin Jalil pensyarah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) selaku penyelia Projek Sarjana Muda ini di atas bimbingan dan bantuan yang diberikan sepanjang tempoh projek ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor Darul Ta'zim, Pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai, Johor Bahru atas kerjasama yang diberikan semasa menjalankan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang turut membantu dalam proses menyiapkan projek ini. Akhir sekali, saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek penulisan ini. Sekian terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai, Johor Bahru. Tujuan Kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam dalam pembelajaran. Seramai 114 orang responden telah terlibat di dalam kajian ini. Cara pemilihan sampel adalah berdasarkan kaedah persempelan rawak secara berkelompok. Dapatan kajian yang diperolehi adalah berdasarkan soal selidik yang bertujuan untuk mengetahui latar belakang responden, persepsi pelajar terhadap penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam, masalah-masalah dalam penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam dan faktor-faktor yang dapat membantu pelajar dalam memahami isi kandungan buku teks jawi Pendidikan Islam dalam pembelajaran. Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package Of Social Science (SPSS) versi 13.0*. Berdasarkan keputusan kajian yang diperolehi didapati bahawa ramai pelajar telah memberi respon yang positif terhadap penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam. Para pelajar menghadapi beberapa masalah dalam penggunaan buku teks jawi. Namun begitu, mereka bersetuju bahawa terdapat banyak faktor yang dapat membantu mereka dalam memahami isi kandungan buku teks. Sebagai usaha memberi kesedaran dan pengetahuan kepada pelajar dan guru, maka beberapa cadangan telah dikemukakan bagi membantu para pelajar dan guru dalam usaha melancarkan proses pembelajaran dan pengajaran mereka.

## ABSTRACT

The research is conducted involving the form four students of Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai, Johor Bahru. This research aims to look at the students' perceptions toward the using of the 'jawi Pendidikan Islam' textbook in learning. There were a number of 114 respondents who were chosen randomly by groups. The findings were based on the questionnaires which looked at the respondents background information, the students' perceptions towards the use of 'jawi Pendidikan Islam' textbook, their perception towards the problems in using the textbook and their perception towards the factors which could help students to understand the content of the textbook. The data obtained was analyzed using the Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 13.0 software. From the findings, a lot of students had given positive responses towards the use of 'jawi Pendidikan Islam' textbook. However, they also agreed on the fact that there are a lot of factors which could help them to comprehend the content of the textbook. In order to create the awareness and additional knowledge to the students and teachers, several suggestions in enhancing their teaching and learning process were given.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI SIMBOL/SINGKATAN</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv

## BAHAGIAN SATU

### PENDAHULUAN

<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8

1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Definisi Istilah	9
1.7.1	Persepsi	10
1.7.2	Pelajar	10
1.7.3	Penggunaan	10
1.7.4	Buku Teks	11
1.7.5	Pendidikan Islam	11
1.7.6	Pembelajaran	11
1.8	Skop Kajian	12
1.9	Kesimpulan	13

## **BAHAGIAN DUA**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **BAB II      SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam	16
2.3	Matlamat dan Objektif Pendidikan Islam KBSM	17
2.4	Peranan Buku Teks dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam	19
2.5	Buku Teks Sebagai Sumber Rujukan	20
2.6	Buku Teks Sebagai Bahan Bantu Mengajar	22
2.7	Kajian Lepas Mengenai Buku Teks	23
2.8	Kajian Lepas Mengenai Masalah Dalam Penggunaan Buku Teks	24
2.8.1	Masalah Penguasaan Tulisan Jawi	25
2.8.2	Kekurangan Bahan Bacaan Jawi	26

2.9	Kajian Lepas Mengenai Faktor-faktor Yang Membantu Pelajar Dalam Memahami Isi Kandungan Buku Teks Dalam Pembelajaran	26
2.9.1	Guru	27
2.9.2	Minat	28
2.9.3	Bahan Bantu Mengajar (ABM)	29
2.9.4	Rakan Sebaya	30
2.9.5	Ahli Keluarga dan Ibu Bapa	31
2.10	Kesimpulan	33

## **BAHAGIAN TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **BAB III    METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka bentuk Kajian	34
3.2.1	Kajian Perpustakaan	35
3.2.2	Metode Dokumentasi	35
3.2.3	Metode Observasi (Pemerhatian)	36
3.3	Lokasi Kajian	36
3.4	Sampel Kajian	37
3.5	Instrumen Kajian	37
3.6	Tatacara Kajian	40
3.7	Kajian Rintis	40
3.8	Prosedur Kajian	41
3.9	Kaedah Penganalisaan Data	42
3.10	Kesimpulan	43

## **BAHAGIAN EMPAT**

### **ANALISIS DATA**

<b>BAB IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pengenalan	44
4.2	Bahagian A – Latar Belakang Responden	45
4.3	Bahagian B – Jawapan Kepada Persoalan Kajian	48
4.3.1	Analisis Mengikut Setiap Item Soal Selidik	48
4.3.2	Analisis Keseluruhan Item Mengikut Objektif	67

## **BAHAGIAN LIMA**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan	71
5.3	Rumusan	77
5.4	Cadangan	78
5.4.1	Kementerian Pendidikan	78
5.4.2	Pelajar	79
5.4.3	Ibu Bapa	80
5.4.4	Guru-Guru	81
5.4.5	Pihak Sekolah	82
5.4.6	Cadangan Kajian Lanjutan	83
5.5	Kesimpulan	84
	<b>RUJUKAN</b>	<b>85</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	39
3.2	Pengkelasan Instrumen Kajian	40
3.3	Status Persetujuan Responden Berdasarkan Nilai Min	42
4.1	Taburan Keperapan Dan Peratusan Soal Selidik Yang Diedarkan Dan Diterima	45
4.2	Taburan Keperapan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	45
4.3	Taburan Keperapan Dan Peratusan Responden Mengikut Sekolah	46
4.4	Taburan Keperapan Dan Peratusan Responden Mengikut Sumber Memperolehi Buku Teks	46
4.5	Taburan Keperapan Dan Peratusan Responden Mengikut Keputusan Peperiksaan Pendidikan Islam	47
4.6	Taburan Keperapan Dan Peratusan Responden Tentang Pencetakan Buku Teks Dalam Tulisan Jawi	49
4.7	Taburan Keperapan Dan Peratusan Responden Yang Seronok Menggunakan Buku Teks Jawi Pendidikan Islam	50
4.8	Taburan Keperapan Dan Peratusan Responden Tentang Kaitan Penggunaan Buku Teks Jawi Dengan Minat Pelajar Terhadap Tulisan Jawi	51

4.9	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Responden Yang Selalu Menggunakan Buku Teks Jawi Sebagai Rujukan Utama	51
4.10	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Tentang Hubungan Penggunaan Buku Teks Jawi Dengan Kemahiran Membaca Jawi	52
4.11	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Responden Yang Menggunakan Buku Teks Jawi Pendidikan Islam Untuk Memudahkan Proses Pembelajaran	53
4.12	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Responden Yang Faham Mengenai Sesuatu Topik Dengan Merujuk Buku Teks	53
4.13	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Responden yang Tidak Biasa Membaca Jawi	54
4.14	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Responden Yang mengalami Masalah Dalam Mengenal Huruf Jawi	55
4.15	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Responden Yang Tidak Memiliki Bahan Bacaan Lain Dalam Tulisan Jawi	55
4.16	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Kesan Penggunaan Buku Teks Jawi Pendidikan Islam	56
4.17	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Tentang Kesan Kelemahan Membaca Jawi Dengan Pembelajaran	57
4.18	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Tentang Minat Murid Terhadap Buku Teks Berdasarkan Kuantiti Isi Dalam Sesuatu Topik	57
4.19	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Tentang Olahan Ayat Dalam Buku Teks	58
4.20	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Tentang Kesan Penggunaan Tulisan Jawi Edisi Baru Terhadap Pembacaan Pelajar	59
4.21	Taburan Kekekrapan Dan Peratusan Responden Yang Menggunakan Buku Rujukan Versi Rumi Untuk Memahami Isi Pelajaran	60

4.22	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Tentang Peranan Rakan-rakan Dalam Menguasai Isi Pelajaran	60
4.23	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Tentang Peranan Alat Bantu Mengajar Dalam Proses Pembelajaran	61
4.24	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Tentang Penggunaan Tulisan Rumi Semasa Sesi Pengajaran	62
4.25	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Yang Menggunakan Tulisan Rumi Untuk Menulis Isi Pelajaran	62
4.26	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Yang Menggunakan Tulisan Jawi Semasa Membuat Kerja Rumah	63
4.27	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Tentang Peranan Ahli Keluarga Semasa Mengulang Kaji Di Rumah	64
4.28	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Tentang Galakan Ibu Bapa Dalam Proses Pembacaan Jawi	64
4.29	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Tentang Peranan Guru Dalam Proses Memahami Isi Buku Teks	65
4.30	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Tentang Peranan Guru Sebagai Rujukan Utama Dalam Menangani Masalah Sepanjang Sesi Pembelajaran	66
4.31	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Tentang Peranan Peta Minda Dalam Buku Teks	66
4.32	Taburan Peratusan Dan Min Bagi Item Objektif Pertama	67
4.33	Taburan Peratusan Dan Min Bagi Item Objektif Kedua	68
4.34	Taburan Peratusan Dan Min Bagi Item Objektif Ketiga	69

**SENARAI SIMBOL/SINGKATAN**

%	-	Peratus
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
Bhd.	-	Berhad
BM	-	Bahasa Melayu
JPNJ	-	Jabatan Pendidikan Negeri Johor.
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
N	-	Sampel
PI	-	Pendidikan Islam
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PSI	-	Perpustakaan Sultan Ismail
PSZ	-	Perpustakaan Sultanah Zanariah
Sdn.	-	Sendirian
SMKKM	-	Sekolah Mengengah Kebangsaan Kota Masai
SPBT	-	Skim Pinjaman Buku Teks
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package Of Social Science</i>
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	91
B	Kajian Rintis	96
C	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia.	97
D	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Johor.	99
E	Surat Pengesahan Fakulti Pendidikan.	100

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan secara keseluruhannya ialah satu proses yang membentuk kebolehan dan sikap manusia. Setiap manusia akan mengalami proses ini secara langsung dan tidak langsung. Proses sosial ini membolehkan seseorang individu memperoleh keyakinan dan pertumbuhan sendiri, dari satu keadaan yang dipilih dan dikawal serta diinstitusikan oleh masyarakat atau negara. Dalam Islam, pendidikan telah digariskan dengan lengkap dengan melihat falsafah, sistem dan peraturannya sebagai sebuah institusi penting dalam kehidupan manusia.

Sistem pendidikan sesebuah negara yang dijalankan secara terancang dan sistematik terhadap perkembangan jasmani dan rohani dengan tujuan untuk melengkapkan seseorang individu supaya dapat menjalankan kehidupan yang sempurna (Mohamad Najib Ghafar 2004: 1). Hal ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara di Malaysia menyatakan bahawa;

*"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh*

*untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran dan negara.*

(Shahril 1999: 100)

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara di atas dapat dirumuskan secara ringkas sebagai satu usaha bagi melahirkan rakyat atau warganegara yang memiliki sahsiah baik dan terpuji, seimbang dan sepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Falsafah Pendidikan Negara merupakan paksi dalam penulisan buku teks. Sukatan pelajaran dan isi kandungan buku teks mestilah merangkumi aspek-aspek yang telah ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu, penulisan buku teks perlulah mengambil kira aspek-aspek ini bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berdaya saing dan mampu menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Buku teks masih digunakan oleh murid dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini walaupun ianya menghadapi saingan dari alat atau media elektronik seperti komputer, radio, televisyen dan video. Buku teks merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi guru dan murid. Sistem pendidikan yang sedang membangun telah menyebabkan kepentingan buku teks lebih dirasai keperluannya terutama bagi guru-guru yang tidak mempunyai keilmuan dan kemahiran yang tinggi dalam proses pengajaran.

Dalam kajian ini pula, penyelidik ingin mengetahui persepsi-persepsi pelajar terhadap penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam, masalah-masalah yang mereka hadapi dalam semasa proses pembelajaran dan seterusnya apakah jalan

penyelesaian mereka dalam menghadapi masalah penggunaan buku teks yang dicetak dalam tulisan jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Para ahli dalam pendidikan Islam sepakat mengatakan tujuan pendidikan Islam, bukanlah memenuhi keperluan kognitif anak-anak yang dididik dengan segala macam ilmu yang belum mereka ketahui, tetapi tujuannya adalah mendidik akhlak dan jiwa mereka, menanam rasa *fadhilah* (keutamaan), membiasakan mereka dengan kesopanan yang tinggi, mempersiapkan mereka dengan kehidupan yang suci, ikhlas dan jujur. Untuk mencapai tujuan pendidikan akhlak dan jiwa, semua mata pelajaran harus mengandungi pelajaran-pelajaran akhlak, setiap pendidik haruslah memberi penekanan terhadap aspek akhlak dari aspek-aspek yang lain. (Dr. Sobri Salamon, Dr. Harun Din. 1988:7).

Pendidikan Islam adalah berdasarkan kepada peraturan Islam iaitu matlamat kehidupan sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam yang berlandaskan kepada kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Oleh itu, sumber asas pendidikan Islam dan ilmu pengetahuan dalam Islam adalah berteraskan wahyu yang merupakan sumber Islam iaitu melalui al-Quran al-Sunnah. Allah telah berfirman dalam al-Quran iaitu:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي  
الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن  
كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Terjemahannya:

*"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada 'Uli'l-Amri' (orang-orang berkuasa) dari kalangan kamu. Jika kamu berbantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasulnya.*

(Surah al-Nisaa': 59)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, dapatlah diketahui bahawa al-Quran dan as-Sunnah merupakan sumber rujukan utama orang-orang yang beriman. Ia merangkumi semua aspek kehidupan manusia sama ada pendidikan, ekonomi, muamalah dan sebagainya.

Sebagaimana yang diketahui, mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan satu mata pelajaran penting di sekolah. Sebagai usaha untuk menyelaraskan sistem pendidikan di setiap sekolah, maka Kementerian Pendidikan telah menyediakan buku teks sebagai sumber rujukan sama ada kepada guru mahupun murid. Bagi murid, buku teks boleh dibawa dari sekolah ke rumah sebagai rekod apa yang dipelajari pada hari itu dan apa yang akan dipelajari pada hari esok ataupun pada keseluruhan tahun persekolahan. Pendek kata ia akan memberi senario tentang ilmu yang akan dipelajari berdasarkan kepada sukatan dan huraian pelajaran yang boleh dilihat dalam satu bidang waktu tertentu.

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras KBSM yang diajar kepada pelajar-pelajar Muslim di setiap sekolah Menengah Kebangsaan. Matlamatnya adalah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal salih dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa.

Mata Pelajaran Pendidikan Islam juga salah satu mata pelajaran yang penting di sekolah. Ia diwajibkan kepada semua pelajar yang beragama Islam. Bagi yang bukan beragama Islam, mereka dikehendaki mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral. Bagi mata pelajaran tingkatan 4, sebuah buku teks digunakan sebagai panduan kepada guru ketika mengajar dan pada masa yang sama ia dijadikan sebagai salah satu sumber bacaan oleh pelajar untuk mengulangkaji mata pelajaran. Menurut sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ia dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Tilawah al-Quran, Ulum Syar'iyah dan Akhlak Islamiah. Ulum Syar'iyah pula terbahagi kepada bahagian iaitu Akidah, Ibadat dan Tamadun Islam ataupun Sejarah Islam.

Pada bahagian Tilawah al-Quran, pengajaran berfokuskan kepada pembacaan, hafazan dan pemahaman dari ayat yang diajarkan. Ulum Syar'iyah pula berkaitan dengan dengan perundangan dalam Islam iaitu sama ada berkaitan dengan akidah, ibadat khusus dan umum dalam Islam dan sejarah tokoh-tokoh terkemuka dalam Islam serta sejarah perkembangan Islam. Pada bahagian akhlak pula, pengajarannya adalah berkaitan dengan perbuatan baik dan buruk yang menyentuh tentang rutin kehidupan harian seorang pelajar. Buku teks ini diharapkan dapat memberi pengetahuan baru kepada pelajar sekaligus dapat mendedahkan pelajar mengenai ilmu-ilmu yang digariskan oleh Islam untuk direalisasikan dalam kehidupan seharian seseorang pelajar.

Semasa proses pengajaran dalam kelas, guru lebih suka menggunakan buku teks sebagai bahan pengajaran yang utama. Guru yang menggunakan buku teks sepenuhnya dalam pengajaran akan menyebabkan timbulnya rasa bosan di kalangan pelajar terutamanya bagi pelajar yang cergas. Oleh itu, guru mestilah merancang kaedah, bahan, dan aktiviti yang sesuai bagi menghidupkan suasana pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Aktiviti dan latihan juga perlulah dipelbagaikan dan bukannya hanya tertumpu kepada buku teks semata-mata.

Menurut Kamarudin Hj Husin (1989:32), buku teks merupakan bahan pembelajaran yang sangat penting untuk pelajar-pelajar dan ia menjadi sumber rujukan utama pelajar bagi membantu guru dalam proses pengajaran. Walaupun begitu, buku teks juga ada kelemahannya. Antara kelemahan-kelemahan buku teks ialah:

- i. Bahan-bahan dalam buku teks tidak berjaya untuk menyerapkan unsur-unsur nilai dalam diri para pelajar
- ii. Sesetengah teks banyak memperkenalkan konsep bahasa yang sukar difahami pada peringkat permulaan dan konsep ini tidak diperkembangkan dalam bab-bab yang selanjutnya.
- iii. Penulis-penulis mempunyai kecenderungan untuk membina bahan-bahan yang sesuai dengan murid-murid yang berkebolehan sederhana. Bahan-bahan untuk murid-murid yang lemah dan cerdas amatlah berkurangan dalam buku-buku teks tersebut.
- iv. Buku-buku teks kurang menekankan pengetahuan tertentu yang boleh memberi manfaat kepada murid-murid.

Dunia semakin hari semakin maju dan banyak masalah baru yang timbul dalam masyarakat. Oleh itu, isi kandungan buku teks juga perlulah sesuai dengan keadaan semasa. Sukatan lama yang terdapat dalam buku teks perlulah di ubah dan buku teks perlu dicetak semula yang akan menelan kos yang tinggi.

Daya fikir pelajar perlu dipupuk, dibina dan diperkembangkan dengan memberi mereka peluang mengambil bahagian secara aktif dalam proses pengajaran-pembelajaran. Mereka mesti digalakkan untuk memberi maklumat, berbincang mengemukakan idea-idea serta menyelesaikan masalah. Justeru tumpuan pembelajaran perlu ditujukan kepada pelajar, bukan kepada sukatan pelajaran atau buku teks (Dr. Tajul Ariffin Noordin, Dr. Nor'aini Dan 1992: 25).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pada hari ini, keruntuhan akhlak di kalangan remaja dikatakan berpunca dari kurangnya didikan agama. Jika dilihat dari sudut isi kandungan buku teks Pendidikan Islam, ianya sudah mencakupi semua aspek kehidupan iaitu akidah, akhlak dan syariah. Di sini timbulnya persoalan di manakah yang dikatakan bahawa kurangnya didikan agama. Apakah mereka tidak mengaplikasikan apa yang mereka pelajari selama ini atau tidak memahami dengan baik dari apa yang mereka pelajari di sekolah.

Ramai di kalangan pelajar sekolah menengah masih tidak boleh membaca tulisan jawi dengan lancar. Ada juga segelintir pelajar buta huruf untuk membaca tulisan jawi. Menurut Ahmad Murad Muhidun, terdapat ramai pelajar sekolah agama yang tidak mahir dan kekok dalam penggunaan tulisan, ejaan dan bacaan jawi (Berita Harian, 27 Februari 2006: C6). Keadaan ini telah menyulitkan para pelajar untuk mempelajari mata pelajaran yang menggunakan tulisan jawi sepenuhnya seperti penggunaan buku teks jawi pendidikan Islam. Hal ini menyebabkan pelajar tidak boleh menguasai isi pelajaran dengan sebaiknya sebagaimana yang diharapkan oleh para guru.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk meninjau secara lebih mendalam untuk mengetahui persepsi pelajar-pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai terhadap penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam dalam pembelajaran. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengenal pasti apakah masalah dalam penggunaan buku teks jawi pendidikan Islam dan seterusnya menilai faktor-faktor yang membantu pelajar-pelajar untuk memahami isi kandungan buku teks dalam pembelajaran.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Pada dasarnya, beberapa objektif dan tujuan penyelidikan telah ditetapkan oleh penyelidik dalam kajian yang dijalankan. Antara objektif yang ditetapkan ialah:

- i. Untuk mengetahui persepsi pelajar-pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai terhadap penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam.
- ii. Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai dalam penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam.
- iii. Menilai faktor-faktor yang membantu para pelajar dalam memahami isi kandungan buku teks jawi Pendidikan Islam dalam pembelajaran.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, persoalan yang telah ditimbulkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

- i. Apakah persepsi pelajar-pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai terhadap penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam?
- ii. Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai dalam penggunaan buku teks jawi Pendidikan Islam?

- iii. Apakah faktor-faktor yang membantu para pelajar dalam memahami isi kandungan buku teks jawi Pendidikan Islam dalam pembelajaran?